



[www.mdkerian.gov.my](http://www.mdkerian.gov.my)

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)



## MAJLIS DAERAH KERIAN 2021-2025

NO 1, WISMA MDK  
JALAN PADANG  
34200, PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN  
TEL : 05-7161228  
FAKS : 05-7169268  
[pentadbiran\[@\]mdkerian.gov.my](mailto:pentadbiran[@]mdkerian.gov.my)





**Firman Allah SWT:**

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدُلُّوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ  
النَّاسِ بِالإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Maksudnya:** *“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

**(Surah al-Baqarah: 188)**



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Majlis Daerah Kerian (MDK) telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) Majlis Daerah Kerian 2021-2025. OACP MDK 2021-2025 ini merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga MDK.

Selaras dengan aspirasi nasional ini, setiap warga MDK perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. OACP MDK 2021-2025 ini menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja MDK dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

**Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh A.M.P**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Kerian**

**#kerianperangirasuah #actwithintegrity #rasuahdihinamaruahdibina**



# PERUTUSAN PEGAWAI INTEGRITI MAJLIS DAERAH KERIAN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Daerah Kerian (MDK) telah berjaya dibangunkan. OACP MDK menggariskan empat (4) strategi untuk dilaksanakan iaitu menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, memperkukuhkan kecekapan tadbir urus dan berintegriti tinggi, dan mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan. Strategi-strategi ini terdiri daripada tujuh (7) objektif strategik dan tiga puluh satu (31) inisiatif jangka panjang dan jangka pendek. OACP ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat MDK melibatkan semua jabatan untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek. Adalah diharapkan agar semua pihak dapat melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah diwujudkan secara berterusan agar penyampaian perkhidmatan yang diberikan lebih telus, bertanggungjawab dan diyakini oleh masyarakat. Sekalung penghargaan kepada Yang Dipertua, Setiausaha Majlis, barisan Ketua Jabatan dan Unit serta semua kakitangan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan OACP MDK 2021 – 2025. Saya yakin, seluruh warga kerja MDK amat komited membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta penghayatan nilai-nilai murni. Semoga dengan inisiatif ini, hasrat untuk menjadikan Malaysia Bebas Rasuah menjadi realiti.

**Mahzan Bin Morat Ce/O**  
**Pegawai Integriti**  
**Majlis Daerah Kerian.**

#kerianperangirasuah #actwithintegrity #rasuahdihinamaruahdibina





# SINGKATAN

<b>CPI</b>	<b>Indeks Persepsi Rasuah</b>
<b>DPN</b>	<b>Dasar Pembangunan Negara</b>
<b>GTP</b>	<b>Pelan Transformasi Kerajaan</b>
<b>MDK</b>	<b>Majlis Daerah Kerian</b>
<b>NACP</b>	<b>Pelan Antirasuah Nasional</b>
<b>OACP</b>	<b>Pelan Antirasuah Organisasi</b>
<b>PBT</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>
<b>PIN</b>	<b>Pelan Integriti Nasional</b>
<b>PIO</b>	<b>Pelan Integriti Organisasi</b>
<b>PSM</b>	<b>Pengurusan Sumber Manusia</b>
<b>SPRM</b>	<b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia</b>
<b>SPAN</b>	<b>Sistem Pengurusan Audit Nilai</b>
<b>SOP</b>	<b>Prosedur Operasi Standard</b>



# ISI KANDUNGAN

---

## BAB 01

PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG	2
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS	5
ISU DAN CABARAN	9

## BAB 02

PENILAIAN RISIKO	11
SENARIO ANTIRASUAH MASA HADAPAN	11
SENARIO ANTIRASUAH 2030	12
STRATEGI KEUTAMAAN	17

## BAB 03

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	18
KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MDK 2021 – 2025	19
ANALISIS DATA	21
STRATEGI 1-4	25

## BAB 04

TADBIR URUS	38
PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH	39
MEKANISME PELAKSANAAN	40
MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN	42
KESIMPULAN	44



# **RINGKASAN**

## **EKSEKUTIF**

**Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri Siri 2, No. 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi. OACP merupakan sebuah dokumen dan rujukan utama Majlis Daerah Kerian (MDK) yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. OACP MDK 2021 - 2025 ini dibahagikan kepada empat (4) bab iaitu Pengenalan, Senario Antirasuah Masa Hadapan, Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah, dan Tadbir Urus.**



# BAB 1

# PENGENALAN





# LATAR BELAKANG

## MAJLIS DAERAH KERIAN



Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha Majlis Daerah Kerian (MDK) untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja MDK. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus MDK telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan MDK. OACP telah menjadi satu inisiatif MDK bagi meneruskan usaha ke arah membentuk warga MDK yang berintegriti.

1 JULAI 1975 - Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Krian. Sebelum ini ia dikenali sebagai Lembaga Bandaran Krian.

1 JANUARI 1978 - Diberi taraf autonomi kewangan (Financial Autonomous).

1 SEPTEMBER 1979 - Majlis Daerah Kerian ditubuhkan.

5 SEPTEMBER 1979 - Pengisytiharan Majlis Daerah Kerian.

17 MEI 1994 - Pembukaan rasmi WISMA MDK, Parit Buntar, Perak.

1975

1978

1979

1979

1979





# HALA TUJU STRATEGIK MDK



## VISI

Kerian sebagai perbandaran lestari dan mampan.

## MISI

Memperkasakan perkhidmatan tadbir urus, berpaksikan kualiti, ketelusan dan kecekapan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

## MOTO

Bersatu Membina Kemakmuran.

## OBJEKTIF

- Memantapkan tadbir urus MDK dan sumber manusia yang berwibawa dan berjiwa murni.
- Mempertingkatkan dan memperkukuhkan sumber hasil MDK.
- Memantapkan kemudahan perbandaran yang berkualiti.
- Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti dan persekitaran yang mampan.



# FUNGSI DAN PERANAN MDK



01

Melaksanakan dasar-dasar kerajaan persekutuan dan negeri terutamanya Dasar Pembangunan Negara.

02

Meningkatkan kawalan kesihatan, kebersihan dan pengindahan untuk mewujudkan suasana kehidupan yang selesa dan harmoni.

03

Menguatkuasa undang-undang yang diterima pakai.

04

Memastikan setiap tindakan dan pelaksanaan tugas dengan mengambil kira "value for money".

05

Merancang, melaksana dan mengawal semua aspek pembangunan fizikal dengan berasaskan kepada rancangan pemajuan, kehendak undang-undang, piawaian perancangan dan polisi-polisi yang diterima pakai oleh MDK.

06

Menyedia dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan dan perdagangan secara teratur, komprehensif dan berpotensi ke atas nilai-nilai ekonomi.

07

Menyediakan kemudahan infrastruktur dan rekreasi yang selesa dan harmoni dengan penekanan kepada usaha membaik pulih kemudahan sedia ada.

08

Memberikan keselesaan dan keharmonian kepada orang ramai melalui usaha-usaha perkhidmatan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

# DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

PELAN INTEGRITI NASIONAL 2004 (PIN)

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN 2.0 (GTP 2.0)

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023)

## PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MDK

MDK sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, MDK telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2010 – 2015 dan 2018 – 2020. , Polisi Tidak Menerima Hadiah, dan mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025

PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO)  
2010– 2015 DAN 2018 - 2020

01

POLISI TIADA HADIAH

02

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI  
(OACP) MDK 2021-2025

03



# ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

## TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan.

## KOMPETENSI

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul.
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap.
- Penguatkuasaan yang lemah.

## INTEGRITI

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas
- Kebocoran maklumat terperingkat.
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas.
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan.

## KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM DAN NEGARA



1. Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat terperingkat.



2. Membahayakan nyawa akibat penggunaan bahan binaan yang kurang berkualiti.



3. Ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu.



4. Mengakibatkan kelemahan penguatkuasaan undang-undang.



5. Mempengaruhi Kadar Pelaburan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

# MENGAPA PERLU TANGANI RASUAH

Indeks CPI Malaysia - Malaysia telah memperbaiki kedudukan indeks CPI di tangga ke 51 dengan mata skor sebanyak 53 pada tahun 2019 namun jatuh 6 anak tangga ke kedudukan 57 dengan skor juga menurun 2 mata kepada 51.

	KEDUDUKAN	SKOR
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53
2020	57	51

\*\* Sumber : Transparency International Malaysia

## STATISTIK MAKLUMAT (PECAHAN ISU) MAJLIS DAERAH KERIAN BAGI TAHUN 2016 - 2020

TAHUN	ISU					Lain-Lain/Umum
	Perolehan	Penguatkuasaan & Pelesenan	Tuntutan Palsu	Salahgunakuasa	Sistem dan Prosedur	
2016	0	0	0	0	0	0
2017	0	2	0	0	0	0
2018	1	0	0	0	0	0
2019	2	0	0	0	0	0
2020	0	1	0	0	0	0
JUMLAH	3	3	0	0	0	0

\*Kesemua data diperolehi melalui CRIS

Disediakan Oleh:-  
Unit Statistik  
Cawangan Perisytiharan Harta dan Statistik  
Bahagian Pengurusan Rekod & Maklumat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
3/2/2021

Pecahan isu di bawah Perolehan dan Penguatkuasaan dan Pelesenan masing-masing mencatat 3 kes kesalahan bagi tempoh 2016 sehingga 2020. Kurang kesedaran dalam diri pegawai dan kecuaiannya dalam melaksanakan tugas yang tidak mematuhi prosedur adalah di antara punca berlakunya sogokan/suapan.




# KES TATATERTIB

## STATISTIK KES TATATERTIB MAJLIS DAERAH KERIAN

HUKUMAN	TAHUN		
	2018	2019	2020
Dibebaskan	0	0	0
Amaran	0	0	1
Denda	0	0	0
Lucut Hak Emolumen	0	0	0
Tanggung Pergerakan Gaji	0	1	4
Turun Gaji	0	1	4
Turun Pangkat	0	0	0
Buang Kerja	0	0	0
Jumlah Hukuman Yang Dikenakan Mengikut Tahun	0	1	9
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>11</b>	

### KES TATATERTIB BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2020



- Berdasarkan carta, Kumpulan Pelaksana lebih tinggi melakukan pelanggaran tatakelakuan iaitu sebanyak, 5 kesalahan berbanding dengan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tiada kes bagi tempoh tahun 2018-2020.
- Bilangan tertinggi pelanggaran tatakelakuan adalah pada tahun 2020 iaitu sebanyak 4 kes bagi Kumpulan Pelaksana.

# ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

## PENILAIAN RISIKO

MDK telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/Corruption Risk Analysis (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MDK yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah :

- 1 Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tata tertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan.
- 2 Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tata tertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan.
- 3 Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

## BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MDK yang telah dikenalpasti:

01 Penguatkuasaan

02 Perolehan

03 Tadbir Urus

04 Perundangan



# BAB 2

# SENARIO MASA HADAPAN





# SENARIO ANTIRASUAH 2030

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Sebanyak empat (4) strategi utama telah digariskan dalam OACP MDK.

## PENILAIAN RISIKO

Pelan Antirasuah Nasional 2021-2025 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah agensi. Ia meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan serta senario merudum.

### 1. Senario Kesinambungan (Continuation)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

### 2. Senario Kekangan (Limits And Disciplined)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

### 3. Senario Perkembangan (Growth)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah pihak berkuasa tempatan yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

### 4. Senario Merudum (Decline And Collapse)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.



**SENARIO****PENGUATKUASAAN****PEROLEHAN AWAM****TADBIR URUS****PERUNDANGAN**

S1  
Senario  
Kesinambun-  
gan

Penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme penguatkuasaan untuk lebih responsif dan menjamin mutu perkhidmatan meningkat. Namun begitu, kegagalan untuk mengguna pakai teknologi maklumat serta manipulasi sistem berupaya menjejaskan kualiti pencapaian penguatkuasaan.

Penglibatan tenaga manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baharu. Tahap kemahiran serta ketelusan pegawai akan dapat dipertingkatkan serta tahap birokrasi akan dapat dikurangkan atau dihapuskan. "Value For Money" akan lebih menjadi realiti dan kualiti hidup masyarakat menjadi bertambah baik. Meskipun begitu, dalam tempoh terdekat aspek seperti ketirisan maklumat atau ketirisan wang awam melalui kaedah perolehan secara rundingan terus dan juga arahan-arahan daripada pihak tertentu masih dijangka akan berlaku.

Organisasi memberi keutamaan kepada output dan keberhasilan namun begitu kurang memberi penekanan elemen-elemen integriti dalam proses pelaksanaan dasar dan polisi organisasi.

Undang-undang telah dipinda secara komprehensif sesuai dengan keperluan semasa. Namun pendakwaan tidak dapat dilaksanakan secara adil dan saksama kerana kekangan sumber dan kepakaran.

**SENARIO****PENGUATKUASAAN****PEROLEHAN AWAM****TADBIR URUS****PERUNDANGAN**

S2  
Senario  
Kekangan

Penguatan penguatkuasaan yang berintegriti sukar dicapai kerana kurangnya kerjasama jitu daripada pemegang taruh dan individu yang berkepentingan.

Kelompangan (Loopholes) polisi dan dasar kerajaan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti

Sistem tadbir urus organisasi tidak mengalami sebarang perubahan positif dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan disebabkan sebahagian warga organisasi dan pemegang taruh yang berkepentingan tidak meletakkan aspek integriti sebagai keutamaan dalam pelaksanaan tadbir urus.

Ketidakpatuhan kepada peraturan masih berlaku ekoran kurangnya tindakan punitif dan kawalan ke atas pelaku yang terlibat dalam salah laku integriti.





**SENARIO**

**PENGUATKUASAAN**

**PEROLEHAN AWAM**

**TADBIR URUS**

**PERUNDANGAN**

S3  
Senario  
Perkembangan

Sistem penguatkuasaan melibatkan penyertaan aktif pakar rujuk organisasi dan komuniti dalam membuat keputusan yang lebih telus. Disamping itu, penggunaan teknologi digital yang menyeluruh akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan dan tahap keyakinan penerima perkhidmatan adalah tinggi. Sumber kewangan daripada kutipan hasil dan sumber manusia digunakan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi rakyat.

Insiden salah guna kuasa dalam perolehan awam dapat dikurangkan ke tahap yang minimum didukung oleh penjawat awam yang lebih berintegriti, cekap, berilmu dan amanah dalam memelihara kepentingan negara. Pengurusan perolehan awam juga akan lebih efisien dan akan menjimatkan kos kepada rakyat. Justeru, imej dan ketelusan Majlis dalam perolehan awam dapat dipertingkatkan dan secara langsung akan memberi kesan positif kepada kedudukan prestasi ekonomi negara serta mempertahankan kemakmuran rakyat.

Perkembangan dan kecemerlangan tadbir urus tercapai melalui pengukuhan struktur dan sumber organisasi (perjawatan, peruntukan kewangan, sistem sokongan) serta peningkatan kompetensi penjawat awam di organisasi yang menyumbang kepada tadbir urus korporat yang baik serta perubahan-perubahan dasar yang menyumbang kepada pengukuhan tadbir urus korporat.

Keberkesanan sistem perundangan dapat ditingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa serta budaya integriti yang telah menjadi amalan warga kerja.

**SENARIO**

**PENGUATKUASAAN**

**PEROLEHAN AWAM**

**TADBIR URUS**

**PERUNDANGAN**

S4  
Senario  
Merudum


Campur tangan pihak ketiga dalam bidang penguatkuasaan yang melibatkan isu integriti, karehna birokrasi, pelanggaran peraturan dan tiada pemantauan yang konsisten memberi kesan kepada amalan penguatkuasaan yang tidak telus. Keadaan ini menyebabkan elemen rasuah, pembaziran kewangan dan salah guna kuasa berleluasa. Keadaan ini seterusnya mengurangkan tahap keyakinan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan.

Keadaan politik dan ekonomi negara yang tidak stabil sangat mempengaruhi senario negara. Moral pegawai menurun akibat campur tangan daripada pihak luar secara berleluasa di samping kelemahan dalam sistem sedia ada, diambil kesempatan oleh pihak yang tertentu. Saluran aduan disalah guna untuk mengenakan pegawai lain dan menyebabkan kegagalan penguatkuasaan. Ini menjadikan rasuah menjadi kelaziman di dalam urusan perolehan awam.

Tadbir urus organisasi mengalami kemerosotan akibat sikap tidak acuh penjawat awam, campur tangan pihak berkepentingan, perubahan teknologi, keadaan perundangan & prosedur yang lapuk serta tidak berupaya menangani isu-isu semasa yang berbangkit.

Rakyat meragui kewibawaan perundangan ekoran penguatkuasaan yang lemah sehingga rakyat hilang kepercayaan kepada fungsi dan peranan organisasi serta kerajaan.





**01** Penggunaan teknologi dan inovasi merupakan sebahagian daripada kaedah yang dijangkakan dapat memastikan keberkesanan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pengurusan perubahan yang berkesan serta kemaskini perundangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa turut menyumbang kepada kesinambungan kejayaan penyampaian perkhidmatan awam. Kesediaan untuk menghadapi perubahan serta menerima teknologi dan inovasi terkini adalah perkara yang perlu diambilkira dalam menghadapi senario kesinambungan bagi memastikan kamampanan agensi.

**02** Sebahagian warga kerja dan pemegang taruh yang berkepentingan tidak meletakkan aspek integriti sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan. Selain itu, kelompangan dasar dan polisi dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan pelaku tidak dikenakan tindakan punitif yang sewajarnya. Faktor-faktor ini menyumbang kepada senario kekangan.

**03** Senario perkembangan, di mana anjakan menuju fasa ke arah sebuah negara yang beretika dengan mendukung integriti yang tinggi dan berteraskan nilai seharusnya menjadi hala tuju mana-mana agensi dalam mendepani arus perubahan di masa depan. Bagi mencapai visi tersebut, MDK sedar dan maklum bahawa semua faktor yang meliputi penggunaan teknologi digital, pengurusan perubahan yang berkesan serta kemaskini perundangan dan polisi yang bersesuaian dengan keadaan semasa serta pengurusan sumber yang cekap bakal menjadi pemacu kepada penyampaian perkhidmatan agensi yang boleh membawa kepada senario perkembangan yang disasarkan.

**04** Kerangka kerja Pelan Antirasuah Organisasi MDK mengenal pasti bahawa campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran awam bakal memberi kesan kepada integriti tadbir urus organisasi yang berupaya menggugat keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran dan dasar kerajaan. Kestabilan ekonomi dan politik turut dikenalpasti sebagai faktor penting yang menjamin keutuhan pentadbiran negara di samping kewibawaan perundangan serta tindakan penguatkuasaan. Sikap tidak acuh serta kelemahan dalam mengikuti arus perubahan terutamanya dari segi teknologi, perundangan dan prosedur yang lapuk tidak berupaya menangani isu-isu semasa yang berbangkit. Mana-mana kegagalan dalam aspek yang dinyatakan di atas dilihat sebagai penyumbang kepada senario merudum jentera pemerintahan kerajaan.



01

## MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bagi memperkukuhkan strategi ini, penerapan amalan secara profesionalisme penguatkuasaan telah dirangka dengan pelaksanaan aku janji kerahsiaan maklumat operasi selain penambahbaikan SOP tindakan operasi penguatkuasaan.

## MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi di samping program latihan dan pemulihan telah dikenal pasti.

02

## MEMPERKUKUKKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN BERINTEGRITI TINGGI

Bagi memupuk tadbir urus baik, pemerkasaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititik beratkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan tapisan pelantikan, urusan latihan, Pembangunan Profesionalisme Berterusan, aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja juga tidak boleh diabaikan.

03

04

## MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI SISTEM PERUNDANGAN

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan dan pengemaskinian prosedur, peraturan serta perundangan yang sedia ada. Ia turut memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti, penggunaan teknologi dan pengurusan keselamatan ICT.



# BAB 3

## MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN

### RASUAH





Pelan ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah Penguatkuasaan, Perolehan Awam, Tadbir Urus dan Perundangan. Strategi yang telah dikenalpasti melalui empat (4) bidang utama ini adalah Menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, memperkukuhkan kecekapan tadbir urus dan berintegriti tinggi, dan mempertingkatkan kredibiliti perundangan. Strategi yang digariskan ini menjurus kepada tujuh (7) objektif strategik yang meliputi 31 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

## STRATEGI UTAMA MDK



**VISI** – MEMPERBAIKI KEDUDUKAN DAN SKOR MDK BAGI INDEKS PERSEPSI RASUAH PBT PERAK

**MISI** - MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI WARGA MDK MELALUI PEMATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN ARAHAN YANG BERKUATKUASA

**MATLAMAT** - MEMBUDAYAKAN AMALAM INTEGRITI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DI MDK

**BIDANG KEUTAMAAN** – Penguatkuasaan Undang-Undang, Perolehan Awam, Tadbir Urus dan Perundangan.

**ASPIRASI JABATAN** - JABATAN DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH





## 4 STRATEGI

01

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang.

02

Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam.

03

Memperkukuhkan Kecekapan Tadbir Urus Dan Berintegriti Tinggi.

04

Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan.

04 BIDANG UTAMA

04 STRATEGI

07 OBJEKTIF STRATEGI

16 RISIKO

31 INISIATIF

27 JANGKA PANJANG

04 JANGKA PENDEK





## BIDANG KEUTAMAAN 1 HINGGA 4 PELAN ANTIRASUAH MDK 2021-2025



### ANALISIS KUADRAN


Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi **13 inisiatif** yang dikenal pasti daripada **31 inisiatif** berdasarkan punca rasuah yang ditemui. **13 inisiatif** ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. **12 inisiatif** yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi. Selebihnya **1 inisiatif** keutamaan yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran B (Impak dan kompleksiti tinggi) memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan **13 inisiatif** berkenaan adalah seperti berikut:

#### KUADRAN A

Kuadran A mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH**

#### KUADRAN B

Kuadran B mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI**



#### KUADRAN C

Kuadran C mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH**

#### KUADRAN D

Kuadran D mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI**





**Kompleksiti** :Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif.

**Impak** :Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif.

# ANALISIS KUADRAN



Ringkasan berikut menunjukkan 13 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 32 inisiatif yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi utama iaitu Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang, Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam, Memperkukuhkan Kecekapan Tadbir Urus dan Berintegriti Tinggi dan Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan. 13 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

BIL.	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	1.1.1.1	Memastikan integriti pegawai menjaga kerahsiaan sesuatu operasi sentiasa dalam status sulit dengan menandatangani Aku Janji Kerahsiaan Maklumat Operasi.	KUADRAN A	STRATEGI 1
2.	1.1.1.3	Menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan mengumpulkan semua alat telekomunikasi/peranti pegawai sebelum sesuatu operasi dijalankan.	KUADRAN A	STRATEGI 1
3.	1.1.2.2	Melaksanakan program dan kempen kesedaran dalam aspek governans, integriti dan anti rasuah.	KUADRAN A	STRATEGI 1
4.	2.1.1.1	Anggaran jabatan dijadikan dokumen sulit. Prosedur Operasi Standard (SOP) penyediaan anggaran jabatan (BQ) diwujudkan.	KUADRAN A	STRATEGI 2
5.	2.1.2.1	Memberi peringatan kandungan <i>Integrity Pact</i> <b>SECARA LISAN</b> sebelum memulakan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan.	KUADRAN A	STRATEGI 2
6.	2.2.2.1	Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan kajian pasaran bagi sesuatu perolehan.	KUADRAN A	STRATEGI 2
7.	2.2.2.2	Membuat pusingan kerja terhadap keanggotaan jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/sebutharga setiap 3 tahun.	KUADRAN A	STRATEGI 2
8.	3.1.1.2	Mempamerkan statistik tindakan tatatertib yang melibatkan isu rasuah.	KUADRAN A	STRATEGI 3





## ANALISIS KUADRAN



BIL.	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
9.	3.1.1.1	Mengeluarkan pekeliling dan tindakan tatatertib akan dikenakan tanpa amaran secara pentadbiran terlebih dahulu.	KUADRAN A	STRATEGI 3
10.	3.2.1.1	Mewujudkan mekanisme kawalan (kunci elektronik) akses pintu keluar masuk pejabat. Kawalan aktiviti melalui kad kakitangan / pelawat.	KUADRAN A	STRATEGI 3
11.	3.2.3.2	Memberikan penghargaan kepada pegawai yang memberikan maklumat berkaitan isu-isu rasuah ( <i>Whistle Blower</i> ).	KUADRAN A	STRATEGI 3
12.	3.3.3.1	Melaksanakan program pembangunan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah serta mengadakan taklimat berkaitan Akta SPRM 2009.	KUADRAN A	STRATEGI 3
13.	4.1.1.1	Menyemak, mengkaji, mengemaskini dan meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171 ), Undang-undang Kecil, Perintah serta Peraturan yang telah melebihi 10 tahun.	KUADRAN B	STRATEGI 4

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 1

### MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN AMALAN  
PROFESIONALISME PENGUATKUASAAN





# OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

## MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN AMALAN PROFESIONALISME PENGUATKUASAAN

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.1	Kebocoran maklumat semasa menjalankan operasi.	1.1.1.1	Memastikan integriti pegawai menjaga kerahsiaan sesuatu operasi sentiasa dalam status sulit dengan menandatangani Aku Janji Kerahsiaan Maklumat Operasi.	Jabatan Penguatkuasa	2021 - 2025
		1.1.1.2	Mengenalpasti pegawai yang berisiko dengan melaksanakan program pemulihan dan kaunseling.	Unit Integriti/Unit Kaunseling	2021 - 2025
		1.1.1.3	Menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan mengumpulkan semua alat telekomunikasi/peranti pegawai sebelum sesuatu operasi dijalankan.	Jabatan Penguatkuasa	Jun 2021 - 2025
1.1.2	Kecenderungan anggota terdedah ke arah perlakuan menerima suapan dan salah guna kuasa semasa operasi.	1.1.2.1	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam urusan penguatkuasaan operasi.	Jabatan Penguatkuasa	Dis 2021 - 2025
		1.1.2.2	Melaksanakan program dan kempen kesedaran dalam aspek governans, integriti dan anti rasuah seperti:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari Kesedaran Integriti.</li> <li>• Taklimat berkaitan Akta SPRM 2009.</li> <li>• Hebahan berbentuk digital berkaitan integrity.</li> </ul>	Unit Integriti	Mac 2021 - 2025
		1.1.2.3	Melakukan pelaksanaan pusingan kerja secara berkala bagi anggota penguatkuasa.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2021 – 2023
		1.1.2.4	Lawatan siasatan tapak dilakukan secara bersama antara jabatan teknikal terlibat.	Jabatan Teknikal terlibat	2021 - 2025

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.3	Tindakan tidak sewajarnya dan ketidakadilan apabila melakukan tindakan penguatkuasaan ke atas individu yang mempunyai pertalian darah atau kenalan.	1.1.3.1	Mewujudkan borang perakuan pengisytiharan hubungan pertalian keluarga bagi tidak menyertai operasi yang ada hubung kait kekeluargaan terhadap pegawai penguatkuasa.	Jabatan Penguatkuasa Jun 2021 - 2025
1.1.4	Salahguna kuasa dalam melaksanakan tugas harian.	1.1.4.1	Melaksanakan pusingan kerja secara konsisten.	Jabatan Khidmat Pengurusan 2021 - 2025
		1.1.4.2	Meningkatkan pengetahuan berkaitan penguatkuasaan (kursus/ bengkel/taklimat).	Semua jabatan yang terlibat dalam penguatkuasaan/ proses permohonan 2021 – 2025





# BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN

## STRATEGI 2

**MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN  
DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM**

- OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 MENINGKATKAN KETELUSAN PENGURUSAN PEROLEHAN
- OBJEKTIF STRATEGIK 2.2 MEMPERKASA TAHAP PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

A word cloud featuring various terms in different sizes and orientations. The most prominent words are 'kerajaan' and 'SPRM'. Other visible words include 'perolehan', 'guna', 'milik', 'perkhidmatan', 'kerja', 'rasuah', 'belanjawan', 'DOSA', 'salah', 'kuasa', 'besar', 'sektor', 'perbelanjaan', 'perusahaan', 'berisiko', 'penyelewengan', and 'awam'.

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

## MENINGKATKAN KETELUSAN PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)		PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.1	Kebocoran maklumat semasa penyediaan anggaran jabatan (BQ).	2.1.1.1	Anggaran jabatan dijadikan dokumen sulit. Prosedur Operasi Standard (SOP) penyediaan anggaran jabatan (BQ) diwujudkan (penggunaan fail hijau iaitu bertaraf sulit).	Unit Perolehan	Mac 2021 - 2025
		2.1.1.2	Mengeluarkan pekeliling dalaman yang berkaitan penyediaan anggaran jabatan.	Unit Perolehan	Mac 2021 - 2025
2.1.2	Kebocoran maklumat penyebutharga yang berjaya sebelum senarai dipaparkan.	2.1.2.1	Memberi peringatan kandungan <i>Integrity Pact</i> <b>SECARA LISAN</b> sebelum memulakan mesyuarat Jawantankuasa Perolehan.	Unit Perolehan	Mac 2021 - 2025
		2.1.2.2	Memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) semua analisa penilaian bagi senarai pendek pembekal hanya diurus oleh pegawai perolehan sahaja.	Unit Perolehan	Mac 2021 - 2025



## OBJEKTIF STRATEGIK 2.2

## MEMPERKASA TAHAP PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	
2.2.1	Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti disebabkan oleh pembekalan daripada syarikat /kontraktor kerja yang sama dan berulang atau penyediaan spesifikasi perolehan yang menjurus kepada pembekal tertentu.	2.2.1.1	Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib kepada pegawai yang berkaitan.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2021 - 2025
2.2.2	Pakatan di antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam.	2.2.2.1	Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan kajian pasaran bagi sesuatu Perolehan.	Unit Perolehan	2021 - 2025
		2.2.2.2	Membuat pusingan kerja terhadap keanggotaan jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/sebutharga setiap 3 tahun.	Unit Perolehan	2021 - 2023

# BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

## STRATEGI 3

### MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN BERINTEGRITI TINGGI

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 MEMASTIKAN KETELUSAN DALAM PENTADBIRAN

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2 MEMASTIKAN KAWALAN PENTADBIRAN YANG BAIK  
DALAM ORGANISASI

OBJEKTIF STRATEGIK 3.3 MEMBINA HALANGAN YANG EFEKTIF TERHADAP  
ANCAMAN RASUAH DAN PERBUATAN TIDAK  
BERINTEGRITI





### OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

### MEMASTIKAN KETELUSAN DALAM PENTADBIRAN

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	
3.1.1	Ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur kerja.	3.1.1.1	Mengeluarkan surat pekeliling dan tindakan tatatertib akan dikenakan tanpa amaran secara pentadbiran.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Mac 2021 - 2025
		3.1.1.2	Mempamerkan statistik tindakan tatatertib yang melibatkan isu rasuah.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Mac 2021 - 2025

### OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

### MEMASTIKAN KAWALAN PENTADBIRAN YANG BAIK DALAM ORGANISASI

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	
3.2.1	Akses keluar masuk pejabat yang tidak dikawal boleh mengundang kepada sabotaj.	3.2.1.1	Mewujudkan mekanisme kawalan (kunci elektronik) akses pintu keluar masuk pejabat. Kawalan aktiviti melalui kad kakitangan / pelawat.	Jabatan Khidmat Pengurusan / Unit Teknologi Maklumat	2021 – 2022

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.2.2	Menggunakan kenderaan jabatan untuk tujuan selain urusan rasmi.	3.2.2.1 Meningkatkan kefahaman terhadap Tatacara Pangurusan Kenderaan dengan mengadakan kursus berkaitan.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Jun 2021 – 2025
3.2.3	Ketidakecapan pegawai menyebabkan tugas gagal dilaksanakan dengan sebaiknya atau tidak memberikan hasil yang optimum.	3.2.3.1 Melaksanakan program latihan /kursus sekurang-kurangnya 1 kali dan mewujudkan sistem pemantauan prestasi secara berkala.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2021 – 2025
		3.2.3.2 Memberikan penghargaan kepada pegawai yang memberikan maklumat berkaitan isu-isu rasuah ( <i>Whistle Blower</i> ).	Jabatan Khidmat Pengurusan	2021 – 2025



## OBJEKTIF STRATEGIK 3.3

## MEMASTIKAN KAWALAN PENTADBIRAN YANG BAIK DALAM ORGANISASI

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.3.1	Integriti dan Ketelusan Kakitangan.	3.3.1.1 Melaksanakan program kaunseling dan berkaitan untuk pegawai – pegawai yang bermasalah. Tindakan tatatertib dan tindakan undang – undang perlu dilaksanakan untuk masalah yang lebih besar bergantung kepada kes.	Unit Integriti	2021 – 2025
3.3.2	Kebocoran maklumat / data rasmi .	3.3.2.1 Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada kakitangan dengan mengadakan kursus kesedaran sekurang-kurangnya 1 kali setahun bagi maklumat / data terperingkat seperti Garis Panduan Keselamatan Pejabat dan AKTA RAHSIA RASMI, 1972 (Akta 88).	Jabatan Khidmat Pengurusan	2021 – 2025
		3.3.2.2 Mewujudkan / Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pengendalian dokumen terperingkat dan pemantauan berterusan Infrastruktur ICT.	Jabatan Khidmat Pengurusan / Unit Teknologi Maklumat	2021 – 2025
		3.3.2.3 Melaksanakan inspektorat sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	Unit Audit dalam	2021 – 2025



BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	
3.3.3	Pegawai Perkhidmatan Kaunter terdedah kepada sogokan / rasuah bagi melicinkan urusan proses permohonan.	3.3.3.1	Melaksanakan program pembangunan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah serta mengadakan taklimat berkaitan Akta SPRM 2009.	Unit Integriti	2021 - 2025
		3.3.3.2	Mempamerkan kod etika dan kelakuan petugas kaunter.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Mac 2021-2025
		3.3.3.3	Memasang CCTV di kaunter-kaunter berisiko.	Unit Teknologi Maklumat	2021 - 2022





# BIDANG KEUTAMAAN : PERUNDANGAN

## STRATEGI 4

### MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI SISTEM PERUNDANGAN

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

MENAMBAHBAIK STRUKTUR PERUNDANGAN



## OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

## MENAMBAHBAIK STRUKTUR PERUNDANGAN

BIL.	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF /TINDAKAN (Tangani/Atasi RISIKO)	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
4.1.1	Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), undang-undang kecil yang lapuk dan tidak lagi relevan.	4.1.1.1 Menyemak, mengkaji, mengemaskini dan meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171 ), Undang-undang Kecil, Perintah serta Peraturan yang telah melebihi 10 tahun.	Jabatan Undang-Undang	2021 - 2025





# BAB 4

# TADBIR URUS





# PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH KERIAN

Penerangan berkenaan aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Ia penting bagi tujuan memantau kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap jabatan, bahagian dan unit yang bernaung di bawah Majlis Daerah Kerian agar selari dengan kerangka yang disediakan di peringkat majlis. Ia juga merupakan langkah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. OACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi MDK dan kakitangan MDK untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik.

## KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan Tertinggi MDK bertanggungjawab dalam memastikan MDK :

1. Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi
2. Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
3. Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan.

## PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah MDK

1. Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.
2. Memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman mahupun luaran.

Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan risiko antirasuah sedia ada di MDK

Prinsip pengurusan antirasuah MDK adalah dasar yang dipegang oleh MDK dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan OACP. MDK telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut:

## PELAKSANAAN INISIATIF

MDK akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SECARA SISTEMATIK

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan

1. Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi.
2. Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program.
3. Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul.



# MEKANISME PELAKSANAAN

OACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi MDK dan kakitangan MDK untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Oleh yang demikian, pengurusan tertinggi MDK hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP di jabatan/unit diperkukuhkan dengan tindakan berikut:

- ❖ Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP.
- ❖ Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- ❖ Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian OACP dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) MDK.
- ❖ Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Negeri.

## LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN OACP MDK

Peneraju pelan tindakan perlu menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan OACP kepada urus setia Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian OACP sebanyak dua ( 2 ) kali setahun dengan mengambil tindakan berikut:

- ❖ Pelaksana perlu menyediakan carta perbatuan setiap inisiatif dan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- ❖ Mengemaskini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan di jabatan/unit.
- ❖ Membuat laporan ringkas kepada urus setia untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantau dan Penilaian OACP.

# STRUKTUR TADBIR URUS PEMANTAUAN OACP MDK



 **Pengerusi  
Yang Dipertua Majlis**

 **Timbalan Pengerusi  
Setiausaha Majlis**

 **AHLI JAWATANKUASA  
Ketua Jabatan & Ketua Unit**

Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif serta menyediakan laporan ringkas dua kali setahun.

Mengenal pasti penyelesaian risiko terbaik.

Membuat penilaian kualitatif dan kuantitatif terhadap semua pelan tindakan.

Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi.



# MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



## MEKANISME PENILAIAN

Inisiatif OACP dinilai sekali setahun namun tertakluk kepada keupayaan jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan kepada perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian OACP. Menerusi laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan masalah dan halangan yang perlu di atasi untuk tujuan penilaian semula dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Induk OACP.

Penilaian keseluruhan pencapaian inisiatif perlu mengambil kira matlamat berikut:

1. Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah dalam kalangan kakitangan MDK dengan menyediakan :
  - a. Laporan statistik salah laku kakitangan dipantau dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian OACP MDK.
  - b. Senarai alternatif yang telah dilaksanakan meliputi semua bidang.
2. Meningkatkan keyakinan komuniti Kerian terhadap ketelusan perkhidmatan MDK demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama dengan menyediakan :
  - a. Pelaporan statistik pada semua bidang keutamaan.
  - b. Pelaporan statistik berdasarkan kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan sepanjang tempoh OACP MDK.

# PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH KERIAN

Prinsip pengurusan antirasuah MDK adalah dasar yang dipegang oleh MDK dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan OACP. MDK telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut:

01

## PENERAJU PELAN TINDAKAN

Pengarah, ketua-ketua jabatan dan Unit mengemukakan laporan setiap dua kali setahun kepada urus setia

## URUS SETIA UNIT INTEGRITI

Menyediakan laporan ringkas dan analisis

03

## MESYUARAT JAWATANKUASA, PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN OACP MDK

- ❑ Pelan tindakan yang dirangka hendaklah dilaksanakan dengan penuh komitmen supaya berjaya menangani isu governans, integriti dan rasuah. Impak pelaksanaan OACP dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan.
- ❑ Tindakan pembaharuan OACP perlu dilaksanakan pada akhir tahun ke 4 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.
- ❑ Setiap visi dan misi OACP MDK perlu berkesinambungan dengan tahun-tahun berikutnya.



## KESIMPULAN



Agenda pemantapan dan pengukuhan governans, integriti dan antirasuah yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan satu usaha yang jelas dalam memerangi isu kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah. Seiring dengan komitmen kerajaan dan NACP bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, MDK mengorak langkah dan menzahirkan komitmen tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Daerah Kerian tahun 2021 sehingga tahun 2025.

Justeru , sebagai dokumen pelengkap yang akan menjadi pemangkin kepada tadbir urus MDK yang berintegriti tinggi, diharapkan agar dokumen ini akan menjadi panduan Pihak Berkuasa Tempatan yang kukuh dari segi tadbir urus, berintegriti dan bebas rasuah sekaligus dapat meningkatkan imej dan mengekalkan MDK sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertaraf lima bintang.

## APRESIASI

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perak.





# JAWATANKUASA INDUK OACP MAJLIS DAERAH KERIAN



**KETUA  
KETUA JABATAN  
KHIDMAT  
PENGURUSAN**

**KETUA  
JABATAN  
PELESENAN  
MAJLIS**

**KETUA UNIT  
UNDANG-  
UNDANG  
PEROLEHAN**

**KETUA UNIT  
AUDIT DALAM**



**YANG  
DIPERTUA  
MAJLIS**

**KETUA BAHAGIAN  
KORPORAT DAN  
PERHUBUNGAN  
AWAM**

**KETUA JABATAN  
KEJURUTERAAN**

**KETUA JABATAN  
PERBENDAHARAAN**

**KETUA JABATAN  
PENGUATKUASA**



**KETUA JABATAN  
KESIHATAN  
PERSEKITARAN**

**KETUA  
BAHAGIAN  
SEWAAN**

**KETUA UNIT  
TEKNOLOGI  
MAKLUMAT**

**KETUA  
JABATAN  
PENILAIAN**

**KETUA JABATAN  
PERANCANG  
BANDAR DAN  
LANDSKAP**

**KETUA JABATAN  
BANGUNAN**

## **URUS SETIA OACP MAJLIS DAERAH KERIAN**

- 1. Encik Mahzan bin Morat**
- 2. Encik Mohamad Saddam bin Jamaluddin**
- 3. Encik Mohd Khairul Nizam bin Zainal Abidin**
- 4. Encik Amirul Amin bin Khomaruddin**
- 5. Puan Nur Hafizah binti Md Daud**
- 6. Encik Mohd Amirul Mukminin bin Mohd Tarmizi**
- 7. Puan Sharidah binti Sabran**
- 8. Puan Saliza binti Isa**

## **JAWATANKUASA KERJA OACP MAJLIS DAERAH KERIAN**

- 1. Puan Siti Aishah binti Norizan**
- 2. Puan Mazlinawati binti Che Mat**
- 3. Puan Hasnah binti Jamaludin**
- 4. Puan Noor Izana binti Shahrin**
- 5. Encik Yusnizal bin Mohd Yunus**
- 6. Encik Ghazali bin Mohd Hanif**
- 7. Encik Mohamad Fadli bin Jamaludin**
- 8. Encik Mohamad Hafiz bin Che Hassan**
- 9. Encik Rosmizan bin Osman**
- 10. Encik Saiful Lizan bin Shamsuddin**
- 11. Encik Sheik Halim bin Samsudin**
- 12. Puan Nur Atiqah Najihah binti Ayob**
- 13. Puan Nurmaziah binti Roslee**
- 14. Encik Megat Fariq Al-Fathullah bin Mohamad**
- 15. Encik Annuar bin Abdul Manaf**







**NO 1, WISMA MDK  
JALAN PADANG  
34200, PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN  
TEL : 05-7161228  
FAKS : 05-7169268**

**[pentadbiran@\[mdkerian.gov.my](mailto:pentadbiran@[mdkerian.gov.my)**